

19/03/1998

RM1 juta bantu MyPC galak kreativiti

KUALA LUMPUR, Rabu - Microsoft Corporation bersetuju menyumbang RM1 juta bagi tiga tahun pertama perjalanan Kelab Perancang Muda Malaysia (MyPC) sebagai usaha menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan perancang perisian remaja.

Pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Bill Gates, berkata pelaburan itu adalah dalam bentuk pemberian perisian, latihan dan kemudahan untuk menjadi rakan rangkaian Microsoft.

"Pelancaran kelab itu selaras dengan seruan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membina masyarakat Malaysia yang peka dengan teknologi maklumat," katanya dalam satu kenyataan sempena pelancaran kelab itu di Jabatan Perdana Menteri, hari ini. Turut sama melancarkan program itu ialah Dr Mahathir.

MyPC adalah inisiatif bersama Microsoft (M) Sdn Bhd, New Straits Times (NST) Sdn Bhd dan Brave and Bold Sdn Bhd, anak syarikat Patimas Computers Berhad.

Penubuhan kelab itu bertujuan menyediakan suasana dan struktur program bagi mencungkil dan menggilap bakat perancang dan pembangunan perisian untuk pelajar berusia di antara 12-15 tahun.

Gates yang dalam lawatan ke rantau ini berkata, objektif MyPC itu bukan sahaja memberikan perkakasan, tetapi juga mewujudkan suasana yang membantu perkembangan bakat muda.

"MyPC adalah pelaburan kritikal untuk generasi muda Malaysia yang bakal menentukan masa depan dan kejayaan MSC serta negara. Ia memberikan peluang terbaik bagi menggilap bakat terpendam generasi muda Malaysia yang berminat dalam bidang perancang dan pembangunan perisian," katanya.

Selain penyertaan generasi muda dan ibu bapa mereka, program itu, yang pertama diperkenalkan di Malaysia, turut menyediakan pembangunan perisian sebagai satu daripada kerjaya profesional utama bagi masa depan.

"Melalui pelbagai program dan tunjuk ajar daripada sekumpulan pelajar berbakat, MyPC akan menjadi batu loncatan kepada generasi muda Malaysia untuk memasuki Era Maklumat," katanya.

Sementara itu, Pengarang Kumpulan NST, Datuk A Kadir Jasin, berkata program itu adalah contoh kerjasama dalam persyarikatan Malaysia yang mana swasta turut sama menyokong projek kerajaan.

"Tetapi, yang lebih penting, kita harap kelab ini menghasilkan lebih ramai Bill Gates," katanya sambil menekankan mereka mungkin menerima 1,000 pelajar secara berperingkat sebagai permulaan.

(END)